

# Merah simbolik kejayaan Kolej Dua Belas



MTM dan pentadbir Kolej Dua Belas bergambar bersama YDM Dato' Seri Diraja Syed Razlan.

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

Foto: Sabri Omar

**PUTRAJAYA (11 Mac)** - Warna merah lambang keberanian menjadi pilihan warna tema sempena Majlis Makan Malam Rasmi Kolej Dua Belas kali keVI di Hotel Marriott dekat sini.

Simboliknya, warna penuh pengertian positif dan tuah ini berjaya menjadi latar situasi majlis penuh semangat membara seperti genggam bara api biar sampai jadi arang.

"Untuk berjaya, anda semua perlu berfikir dan bertindak ke arah positif setiap

masa. Tetapkan hala tuju hidup kerana tidak hanya terus berserah kepada tuhan. Kuasai Bahasa Inggeris untuk memudahkan berkomunikasi dan menghadiri temuduga dengan berjaya mendapat kerja," ucap tetamu kehormat, YBM Dato' Seri Diraja Syed Razlan Jamallulail Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamallulail.

Pingat Setia Bakti menjadi milik Nor Irfan Nor Azman dan Noorhafezan Abd Majid. Diikuti, Pingat Pekerti Terpilih diberikan kepada Mohd Hafiz Rusli, Purnee a/p Balakrishnan, Normahifa Nordin, Noriah Razali, Norazrin Jaafar dan Marhani Jaafar.

Akademik Terbaik Ku Chin Theng, Mohd Saiful Hafiz Mohd Noor dan Cecilia dianugerahkan sebagai olahragawan dan olahragawati Kolej Dua Belas.

Pengetua Kolej Dua Belas, Dr. Saidon Amri, berkata mengetuai pimpinan dan pengurusan di kolej yang paling ramai siswa-siswi di UPM menjadi suatu cabaran dan amanah.

"Perkembangan terbaru, kemudahan makmal komputer baru dibuka, pencapaian akademik semakin merangsangkan dengan bilangan mahasiswa yang mendapat PNGK 3.00 ke atas semakin meningkat. Kompleks Kolegiat Kolej Dua Belas juga sedang dalam proses untuk disiapkan," katanya kepada semua yang hadir.



Tetamu kehormat diraikan dengan penuh protokol.